

(30 Mei 2021) 4/15/2021 Malaysia 19.01.
Kes positif catat angka tertinggi, varian berbahaya sudah tembusi komuniti

Covid-19 makin ganas

Oleh MAISARAH SHEIKH RAHIM
maisarah.rahim@mediamulia.com.my

PUTRAJAYA: Malaysia merekodkan kes jangkitan tertinggi iaitu sebanyak 6,075 kes semalam dengan 46 kematian sekali gus menunjukkan kadar jangkitan merebak pantas menerusi kemunculan varian-varian baharu Covid-19.

Lebih membimbangkan apabila negara kini berdepan dengan penyebaran dua lineage Covid-19 dan variant of concern (VOC) Afrika Selatan B.1.351 yang bahaya dan mula menjangkiti komuniti dengan cepat.

Varian baharu dan dua lineage Covid-19 ini dipercayai berisiko melemahkan antibodi semua peringkat umur apatah lagi dalam kalangan kanak-kanak dan golongan muda selepas menyerang kumpulan tersebut.

Bercakap kepada *Utusan Malaysia*, Menteri Kesihatan, Datuk Seri Dr. Adham Baba berkata, kes-kes membabitkan varian B.1.351 dikesan sedang merebak pantas dan kini merekodkan 62 kes di seluruh negara setakat 17 Mei lalu.

Menurut beliau, dua lineage atau mutasi virus yang turut mengancam komuniti ialah lineage Malaysia B.1.524 (sebanyak 203 kes) dan lineage Indonesia B.1.466.2 (42 kes), manakala lain-lain penyebaran lineage (86 kes).

Bersambung di muka 2



Saringan Covid-19

SEBUAH keluarga berjalan masuk ke Stadium Malawati Shah Alam di Selangor yang dijadikan Pusat Penilaian Covid-19 bagi menjalani ujian saringan wabak tersebut semalam. - UTUSAN/
ZULFADHL IZAKI (Berita di muka 5)

Covid-19 makin ganas

Dari muka 1

“Kedua-dua lineage ini adalah yang paling banyak ditemui di Malaysia masa ini selain VOC Afrika Selatan B.1.351 dan VOC UK B.1.1. 7 (lapan kes).

“Lineage B.1.524 mula dikesan di Sabah pada September 2020 selepas kluster Benteng-LD manakala lineage B.1.466.2 dikesan di Sarawak pada Januari lalu,” kata beliau di sini kelmarin.

Tinjauan *Utusan Malaysia* di Pusat Penilaian Covid-19 (CAC), Stadium Malawati di Shah Alam semalam mendapati pesakit yang positif Covid-19 berasak menunggu giliran untuk dinilai tahap keseriusan jangkitan oleh petugas kesihatan.

Turut kelihatan dalam kalangan anak beranak, warga emas berkerusi roda, bertongkat dan uzur menunggu untuk diberi rawatan.

Dr. Adham berkata, sehingga 17 Mei lalu, terdapat 72 kes dikesan membawa jangkitan VOC dan daripada jumlah tersebut, pengesanan 62 kes VOC Afrika Selatan B.1.351 adalah jangkitan tempatan yang ditemui di Selangor, Negeri Sembilan, Kelantan dan Perak.

Selain itu, kata beliau, lapan kes VOC UK B.1.1.7 dikesan dengan lima melibatkan kes import dan tiga kes jangkitan tempatan iaitu di Selangor (dua kes) dan di Sabah (satu kes).

Beliau berkata, terdapat dua kes import VOC India B.1.617 yang dikesan semasa penyaringan pintu masuk antarabangsa.

Varian B.1.351 yang dikesan di Afrika Selatan sudah

INFO

VARIAN DAN LINEAGE BAHARU COVID-19

JENIS LINEAGES/ VOC	JUMLAH
VOC UK B.1.1.7	8
VOC Afrika Selatan B.1.351	62
VOC India B.1.671	2
Lineage Malaysia B.1.524	203
Lineage Indonesia B.1.466.2	42
Lain-lain lineage baru dikesan	86

merebak ke 31 negara lain dengan negara terbabit paling teruk terjejas di benua itu dengan lebih satu juta dijangkiti manakala lebih 26,000 kematian.

Kadar kebolehjangkitan bagi varian itu adalah 50 peratus dan lebih mudah merebak selain amaran ancaman varian tersebut dikatakan boleh melemahkan keberkesanan vaksin.

Susulan itu, Dr. Adham berkata, Kementerian Kesihatan (KKM) memperkukuhkan kesiapsiagaan bagi menghadapi kemungkinan peningkatan kes dengan mengambil kira kewujudan varian baharu dengan membuat semakan semula tindakan kesihatan awam.

Kata beliau, sebanyak 25 strategi tindakan diambil kerana gelombang ketiga yang dihadapi lebih ganas dan kritikal apatah lagi kewujudan varian-varian baharu dengan kadar

jangkitan lebih tinggi, tekanan ke atas kapasiti sistem kesihatan awam yang meruncing dan kelemahan pematuhan prosedur operasi standard (SOP) yang menjadi cabaran utama dalam menanganinya.

Menurutnya, antara tindakan ialah meningkatkan kapasiti makmal bagi ujian pengesanan Covid-19 dengan penglibatan makmal swasta, universiti dan agensi lain kepada 100,000 setiap hari berbanding hanya 70,000 serta meningkatkan kapasiti surveilans genom virus SARS-CoV-2 dengan penglibatan makmal Institut Penyelidikan Perubatan (IMR), universiti dan swasta.

“Semua hospital bersedia menerima dan merawat kes Covid-19 dan secara langsung meningkatkan kapasiti wad serta unit rawatan rapi (ICU) dari 743 katil kepada 1,300 katil selain ‘Modular ICU’ diwujudkan di beberapa hospital dengan kapasiti terhad.

“Penglibatan hospital swasta dan hospital pengajar/universiti bagi meningkatkan kapasiti merawat kes serta meningkatkan bilangan Pusat Kuarantin dan Rawatan Covid-19 (PKRC) bagi merawat kes kategori 1 dan 2,” katanya.

Selain itu, katanya, KKM kolaborasi dengan Angkatan Tentera Malaysia menambahkan kapasiti katil Hospital Angkatan Tentera Tuanku Mizan di Wangsa Maju untuk merawat kes-kes bukan Covid-19 di kawasan yang mencatatkan jangkitan tinggi bagi membolehkan hospital kerajaan memberi fokus kepada rawatan pesakit Covid-19.